



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR dan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta Mohamed Khaled Nordin (barisan hadapan, kiri) mengaminkan doa sempena perasmian Laman Diraja Pontian di Pontian, Johor, kelmarin. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Laman Diraja hadiah daripada rakyat Pontian

PONTIAN 8 April – Laman Diraja Pontian yang dirasmikan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar semalam merupakan hadiah serta tanda kasih penduduk Pontian kepada keluarga diraja Johor.

Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian (MDP), Suhairi Hashim berkata, laman tersebut boleh digunakan untuk menganjurkan pelbagai aktiviti rekreasi di samping program kemasyarakatan.

Beliau berkata, kerja-kerja pembinaannya bermula pada 29 Januari lalu dan siap pada 6 April dengan kos RM4.2 juta dan tarikan utamanya adalah konsep dan reka bentuk serupa seperti yang

terdapat di Istana Bukit Serene, iaitu batu-batu yang dipasang akan bergemerlapan pada waktu malam.

“Laman Diraja Pontian ini juga boleh dijadikan sebagai lokasi untuk masyarakat berjoging dengan adanya pembinaan laluan sepanjang 500 meter,” katanya.

Turut berangkat ke majlis itu, Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Sultan Ibrahim.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Ir. Has-

ni Mohammad; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim dan Ahli Parlimen Pontian, Datuk Ahmad Maslan.

Suhairi berkata, Laman Diraja Pontian juga kini menjadi mercu tanda baharu bagi sektor pelancongan di daerah ini dan satu-satunya yang terdapat di negeri ini,” katanya sambil meminta orang ramai dan pengunjung supaya menjaga kebersihan kawasan berkenaan.

Mereka yang ingin menganjurkan program di laman berkenaan boleh berbincang dengan pihaknya.



Laman Diraja Pontian ini juga boleh dijadikan sebagai lokasi untuk masyarakat berjoging dengan adanya pembinaan laluan sepanjang 500 meter.”

SUHAIRI HASHIM
Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian